



MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (**keutamaan kepada anak negeri Melaka**) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

1. JAWATAN DAN KEKOSONGAN

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N1	1	Kontrak
2.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W1	1	Kontrak
3.	Pembantu Khidmat Am	H1	1	Kontrak

2. CARA-CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah menggunakan Borang Jawatan Kosong Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Borang permohonan boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang Mahkamah Syariah Negeri Melaka di alamat www.mahsyariahmelaka.gov.my.
- Pemohon hendaklah mencetak dan mengisi borang permohonan dengan lengkap. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- Borang permohonan perlulah disertakan dengan gambar terbaharu berukuran passport dan setiap dokumen yang disertakan MESTI DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan Dan Profesional)/ Wakil Rakyat/ Penghulu/Ketua Kampung.

- d. Salinan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
- i. Salinan Sijil Kelahiran
 - ii. Salinan Kad Pengenalan
 - iii. Salinan sijil akademik/ kemahiran daripada Institut Pengajian Tinggi (IPTA / IPTS), persekolahan dan transkrip akademik yang diakui sah seperti mana syarat-syarat yang ditetapkan.
 - iv. Lain-lain dokumen sokongan berkaitan.
- e. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- f. Borang permohonan dan dokumen sokongan hendaklah dikepilkan dengan kemas bagi mengelakkan keciciran dan kehilangan dokumen dan dimasukkan ke dalam sampul surat serta mencatatkan nama jawatan yang dipohon pada sebelah kiri atas sampul surat.
- g. Permohonan yang berikut akan **DITOLAK** :-
- i. Tidak menggunakan borang permohonan Jawatan (Lampiran A)
 - ii. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan
 - iii. Tidak lengkap atau tidak terang
 - iv. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - v. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat
 - vi. Tidak ditandatangani dan tiada pengesahan dokumen-dokumen yang diperlukan.
 - vii. Diterima selepas daripada permohonan ditutup

3. CATATAN AM

- a. Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga melalui panggilan telefon / email dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan ditutup.
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c. Bagi calon yang dipanggil untuk ditemuduga tetapi tidak menerima apa-apa keputusan selepas enam (6) bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap mereka tidak berjaya.

4. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka
(u.p.: Unit Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia)**

5. Tarikh tutup permohonan ialah pada **17 Februari 2025 (Isnin)**